

JABATAN HAL EHWAL



# VETERAN

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA



Laporan Tahunan





**Penaung : Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus**  
**Penasihat : Encik Sophian Isswandy bin Ismail**  
**Ketua Editor : Encik Muhammad Izzat Siraj bin Mohd Iyas Zainal Ravi**  
**Editor / Penyunting : Unit Komunikasi Korporat**  
**Foto : Unit Komunikasi Korporat**

Hak Cipta Terpelihara ©

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM. Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara, baik elektronik, fotokopi, mekanik, mahupun lain- lain, mana-mana bahagian, ilustrasi atau kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

**Diterbitkan oleh:**

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM,  
301 Medan Tuanku,  
Jalan Tuanku Abdul Rahman,  
50802 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel : 03-2050 8000 | 03-2697 6600  
Faks : 03-2691 7564  
Emel : aduan@jhev.gov.my





# Kandungan

- 04 | PERUTUSAN KETUA PENGARAH JHEV ATM
- 07 | MAKLUMAT KORPORAT
- 13 | BAHAGIAN KEBAJIKAN
- 21 | BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
- 27 | BAHAGIAN KERJAYA DAN SOSIOEKONOMI
- 33 | BAHAGIAN KEWANGAN DAN AKAUN
- 43 | BAHAGIAN DASAR
- 55 | BAHAGIAN PENCEN
- 65 | BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
- 69 | GALERI PROGRAM CAWANGAN NEGERI





# Perutusan

## Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran



Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus

### *Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera*

Alhamdulillah dengan izinNya penerbitan buku Laporan Tahunan JHEV ATM 2023 dapat direalisasikan untuk tatapan dan rujukan warga JHEV ATM dan Veteran ATM. Segala puji-pujian hanyalah untuk Allah Subhanahu Wata'ala dan Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam. Jutaan terima kasih saya zahirkan kepada Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia atas pelantikan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM yang ke-8 dan memberikan kepercayaan untuk saya memimpin Jabatan ini. Dalam memastikan pemerkasaan Veteran ATM sentiasa diberi perhatian yang sewajarnya, keberadaan saya disini merupakan satu amanah dalam meneruskan tanggungjawab sedia ada demi memastikan hal ehwal Veteran ATM sentiasa menjadi keutamaan.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada mantan-mantan Ketua Pengarah JHEV yang telah banyak mencurahkan bakti dan keringat dalam mengemudi JHEV sebelum ini. Dalam konteks yang sama, saya juga komited untuk menggembelng segala usaha, kudrat dan buah fikiran demi meneruskan kecemerlangan yang telah dilakarkan oleh Ketua Pengarah yang terdahulu, Insya Allah.

Justeru, saya menyeru agar semua warga JHEV, berganding bahu dan berdiri teguh bersama-sama saya untuk memperkasakan organisasi ini. Warga JHEV perlu berusaha secara berterusan di dalam memastikan perkhidmatan dapat dicapai dengan lebih efektif dan efisien disamping menekankan beberapa aspek yang perlu diperbaiki supaya dapat membentuk budaya kerja yang lebih cemerlang

Visi dan Misi JHEV merupakan satu perancangan strategik yang menetapkan hala tuju Jabatan untuk mencapai kejayaan dan memacu kelangsungan pemerkasaan Veteran ATM dari masa ke semasa.

Seterusnya saya juga menggariskan 5 Teras Utama bagi mendokong sasaran tersebut iaitu : Pengukuhan Dasar, Peningkatan Kualiti Perkhidmatan yang Efektif, Pemerkasaan Sosioekonomi, Pendekatan Media dan Pembangunan Teknologi supaya segala usaha yang dilaksanakan terarah untuk merealisasikan Visi dan Misi yang telah digariskan. Berasaskan 5 teras utama, saya yakin JHEV akan mampu mengorak langkah menjadi sebuah organisasi yang mantap dan cemerlang dengan kerjasama erat dari semua peringkat kakitangan.

Akhir kata, marilah kita sama-sama menggembelng tenaga, usaha dan buah fikiran di dalam memastikan JHEV berada di landasan yang sewajarnya di dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkesan bukan sahaja kepada Veteran ATM, malah mampu memberi sumbangan dan impak positif kepada agama, bangsa dan negara. Sekian, terima kasih.





**Maklumat**  
Korporat



Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM atau JHEV ATM telah ditubuhkan pada 11 Oktober 2000 merupakan satu Jabatan di bawah pentadbiran Kementerian Pertahanan Malaysia. JHEV ATM telah memulakan operasi secara rasminya pada 1 Januari, 2001 di Medan Tuanku, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Objektif utama jabatan ini adalah untuk membantu para Veteran Angkatan Tentera Malaysia dalam meningkatkan taraf sosioekonomi setelah menamatkan perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia.

Fungsi penubuhan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM ini adalah seperti berikut :

01

Menggubal dasar bagi melindungi kepentingan di samping mempertingkatkan taraf sosioekonomi dan kebajikan Veteran ATM

02

Merancang dan melaksanakan Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan JHEV seperti berikut :

- Bantuan Sara Hidup
- Bantuan Persekolahan
- Bantuan Kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi
- Bantuan Peralatan Pesakit
- Bantuan Bencana Alam

03

Membantu Veteran ATM mendapatkan peluang pekerjaan kedua di sektor awam dan swasta.

04

Membantu mendapatkan peluang dan kemudahan dalam bidang keusahawanan serta menyelaras khidmat bantuan dari Jabatan Agensi Kerajaan berkaitan.

05

Mengurus dan memantau faedah-faedah persaraan serta kemudahan perubatan Veteran ATM.

06

Memupuk dan mengekalkan kesedaran orang awam terhadap sumbangan dan pengorbanan Veteran ATM.

01

## VISI

- Peneraju utama kesejahteraan Veteran ATM.

02

## MISI

Memberi khidmat pengurusan yang cekap, dinamik dan profesional kepada Veteran ATM.

03

## OBJEKTIF

Objektif Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM ini adalah seperti berikut :

- Mewujudkan komuniti Veteran ATM yang sejahtera.
- Memberi khidmat One Stop Centre yang cekap dan profesional kepada Veteran ATM.
- Merancang melaksanakan Skim Bantuan Kebajikan, Sosioekonomi Veteran ATM dan Pendidikan anak-anak.
- Menggubal dasar hal-hal berkaitan Veteran ATM.
- Melaksana program promosi yang efektif bagi meningkatkan lagi imej jabatan.

04

## MOTO RESPONSIF

Responsif atau bertindak segera dalam apa jua perkara yang melibatkan hal ehwal Veteran ATM.

## PRIHATIN

Sentiasa peka, cakna dan sentiasa mendengar dan mengambil tahu isu-isu serta apa jua permasalahan Veteran ATM sepanjang masa.

## KOMITED

Sentiasa menyantuni dan segera bertindak dalam apa jua perkara yang melibatkan Veteran ATM yang perlu ditangani oleh Jabatan dengan sepenuhnya.



## PIAGAM PELANGGAN

01

Menyemak dan memproses pembayaran seperti berikut dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap :

- Pencen Perkhidmatan
- Ganjaran Perkhidmatan
- Faedah Ganti Cuti Rehat (FGCR)
- Elaun Tamat Perkhidmatan Mobilisasi (ETPM)
- Faedah Hilang Upaya
- Faedah Kematian Kepada Orang Tanggungan Anggota Tentera yang meninggal dunia dalam perkhidmatan

02

Permohonan Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan JHEV ATM akan diproses dalam tempoh 3 - 6 bulan dari tarikh terima permohonan yang lengkap.

Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan JHEV ATM :

- Bantuan Sara Hidup
- Bantuan Persekolahan
- Bantuan Kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi
- Bantuan Peralatan Pesakit
- Bantuan Bencana Alam

## AKTA VETERAN 2012 (AKTA 740)

Berkuatkuasa secara rasmi pada 1 Januari 2016.

Memperuntukkan hal penstrukturan badan-badan yang berperanan untuk mengurus Veteran ATM (Majlis Veteran Kebangsaan dan JHEV ATM).

Peruntukan kuasa untuk merumus dasar utama, polisi dan pelan tindakan berhubung hal ehwal Veteran ATM.

JHEV ATM dipertanggungjawabkan untuk :

- Membantu menjalankan Fungsi Majlis Veteran Kebangsaan;
- Pendaftaran Veteran ATM; dan
- Pendaftaran Persatuan Veteran.

### MAJLIS VETERAN KEBANGSAAN

Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang bersangkutan dengan Akta Veteran.

Menjadi badan pemantau bagi semua persatuan veteran ;

Menasihatkan Kerajaan mengenai isu hal ehwal Veteran ATM termasuklah perkembangan di peringkat antarabangsa ;

Menasihatkan dan membuat syor mengenai pembuatan mana-mana perundangan ;

Menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar dan pelan tindakan ;


Menyelia pelaksanaan dasar dan pelan tindakan ;

Merumus dasar utama dan pelan tindakan yang berhubung dengan hal ehwal veteran ;



## DEFINISI VETERAN

“Veteran” ertinya warganegara Malaysia yang telah berkhidmat sepenuh masa dan tidak pernah dibersarakan atau diberhentikan daripada perkhidmatan atas alasan salah laku dalam mana-mana Angkatan yang seperti berikut:



# Bahagian Kebajikan

JHEV ATM



## BAHAGIAN KEBAJIKAN JHEV ATM

Bahagian Kebajikan JHEV ATM bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan dan pembayaran Bantuan Kebajikan kepada Veteran ATM dan orang tanggungan mereka yang layak. Selain itu, ia juga memainkan peranan penting dalam memberikan khidmat nasihat, perundangan, penerangan, serta mengadakan lawatan dan menjawab pengaduan awam/Veteran ATM mengenai masalah mereka di samping menjalankan kajian semula ke atas penerima bantuan yang sedia ada.

Justeru, pengurusan Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan kepada Veteran ATM dan orang tanggungan yang layak telah dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) bermula pada Januari 2002 apabila JHEV mengambil alih fungsi pengurusan bantuan ini daripada Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan tentera (PERHEBAT).

Skim bantuan ini memainkan peranan penting untuk membantu dan menambah baik taraf kehidupan Veteran ATM dan orang tanggungan selepas mereka menamatkan perkhidmatan.

Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan JHEV ATM terbahagi kepada 5 kategori iaitu :

- Bantuan Sara Hidup (BSH);
- Bantuan Persekolahan ;
- Bantuan Kemasukan

- ke Institusi Pengajian Tinggi;
- Bantuan Peralatan Pesakit; dan
- Bantuan Bencana Alam.

Syarat asas bagi permohonan Skim Bantuan Kebajikan ini adalah pemohon mestilah seorang Veteran ATM (berpencen atau tidak berpencen) atau balu /duda kepada Veteran ATM. Anak-anak yatim Veteran ATM yang berumur di bawah 18 tahun atau di bawah 23 tahun jika masih belajar (termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah disisi undang-undang) juga layak memohon Skim Bantuan ini. Manakala, tiada had kelayakan umur bagi anak yatim yang disahkan daif dari segi fizikal dan mental serta tidak berupaya menanggung diri sendiri (OKU). Bagi anak yatim yang masih kecil atau anak OKU, waris atau penjaga boleh memohon bantuan ini.

Permohonan hendaklah dibuat secara online melalui Sistem Vibes 2.0 atau borang permohonan melalui JHEV Cawangan Negeri beserta dokumen lengkap. Permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan syarat yang ditetapkan sebelum disyorkan untuk diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan dan Kemudahan Perubatan (JKKP) yang diadakan 2 kali sebulan untuk kelulusan.



### Bantuan Sara Hidup

Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan bantuan kewangan bulanan yang diberikan kepada Veteran ATM dan orang tanggungan yang bertujuan untuk meringankan beban sara hidup harian. Kadar BSH yang berkuat kuasa ialah sebanyak RM300.00 sebulan.

Had umur yang layak dipertimbangkan BSH adalah 60 tahun ke atas dan pendapatan bulanan hendaklah di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (Makanan) iaitu RM1,169 sebulan. Walau bagaimanapun, pertimbangan diberi kepada mana-mana permohonan di bawah umur 60 tahun atas faktor kesihatan atau penyakit yang menghalang pekerjaan (dengan pengesahan Pegawai Perubatan Kerajaan) dan bilangan anak yang masih bersekolah atau melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Kebajikan dan Kemudahan Perubatan (JKKP) JHEV.



Lawatan siasatan ke rumah akan dibuat terlebih dahulu bagi mempertimbangkan permohonan. Permohonan yang lulus akan berkuat kuasa selama tiga (3) tahun dari bulan pertama pembayaran dibuat. Permohonan akan dinilai semula dalam tempoh tiga (3) tahun tersebut untuk memastikan sama ada veteran atau penerima BSH itu masih layak diteruskan bayaran atau sebaliknya. Veteran boleh mengemukakan permohonan untuk melanjutkan bayaran BSH sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tamat tempoh tiga (3) tahun itu.

Pada tahun 2023, dua (2) kategori Bantuan Sara Hidup tambahan telah diperkenalkan iaitu BSH2 dan BSH3. Kedua-dua BSH ini merupakan hasil daripada keprihatinan Jabatan dan Kerajaan dalam usaha membantu golongan Veteran ATM.

BSH2 merupakan hasil Keputusan Mesyuarat Pasca Kabinet Kementerian Pertahanan Bil.2/2023 bertarikh 18 Januari 2023 dan Bil.3/2023 bertarikh 2 Februari 2023 yang dikenali sebagai Perluasan Bantuan Sara Hidup Tahun 2023 untuk meningkatkan bilangan penerima bantuan dari 9,000 orang 15,000 orang. Keutamaan diberi kepada Veteran ATM (berpencen/ tidak berpencen) dan balu berumur 80 tahun ke atas untuk diberikan bantuan secara automatik tanpa permohonan. Bantuan ini juga dipanjangkan kepada penerima pencen Faedah Hilang Upaya (FHU), Veteran yang tersenarai dalam semakan sistem eKasih serta penyambungan semula BSH kepada penerima semasa yang telah tamat tempoh bantuan.

Manakala, BSH3 pula merupakan hasil keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembaharuan Perkhidmatan Awam (JKK-PPA) Bil.2 Tahun 2023 bertarikh 7 Ogos 2023 untuk memanjangkan Bantuan Sara Hidup Kepada Veteran Tidak Berpencen Berumur 60 Tahun Ke Atas secara automatik tanpa permohonan.

Bagi BSH2 dan BSH3, veteran tidak perlu mengemukakan permohonan dan tidak memerlukan lawatan siasatan atau syor kelulusan oleh JHEV Negeri/HQ. Data/maklumat veteran



diakses dari Sistem VIBES 2.0 bagi tujuan penyaluran bantuan dan akan diluluskan sekiranya menepati syarat Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan iaitu PGK Makanan RM1,169 bagi isirumah. Bayaran akan dibuat bagi penerima yang mempunyai maklumat lengkap dalam sistem VIBES 2.0 dan akaun bank yang aktif. Kadar bantuan yang diluluskan adalah RM300 sebulan bagi tempoh 3 tahun.

Bagi tahun 2023, JHEV ATM telah diperuntukkan sebanyak RM55,448,236.25 bagi bayaran Bantuan Sara Hidup. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak RM54,061,800.00 telah habis dibelanjakan melibatkan seramai 26,551 orang penerima. Kadar ini meningkat lebih 3 kali ganda berbanding tahun 2022 berikutan program perluasan dan pemanjangan BSH kepada lebih ramai Veteran ATM pada tahun 2023.

#### Bantuan Persekolahan

Bantuan Persekolahan (BSK) disediakan bertujuan untuk membantu membiayai perbelanjaan memulakan persekolahan di peringkat rendah atau menengah atau vokasional. BSK ini dibayar secara tahunan dengan kadar RM500 setahun bagi sekolah



rendah dan RM700 setahun bagi sekolah menengah atau vokasional.

Setiap permohonan yang diluluskan akan berkuat kuasa selama mana anak tersebut masih menuntut di sekolah rendah atau sekolah menengah atau vokasional. Bantuan

akan terhenti jika anak veteran tersebut tamat persekolahan, contohnya tamat darjah 6, tingkatan 5 atau 6 atau mencapai umur 19 tahun bagi yang menuntut di kolej vokasional. Jika anak tersebut telah meninggal dunia, maka veteran atau waris yang berkenaan hendaklah memaklumkan perkara ini kepada JHEV untuk membolehkan tindakan selanjutnya dapat diambil.

Bagi anak yang sedang menerima BSK di peringkat sekolah rendah dan akan menamatkan pembelajaran di peringkat rendah tersebut, hendaklah mengemukakan permohonan baharu bagi dipertimbangkan BSK di peringkat menengah. Semua permohonan BSK perlu dikemukakan pada tahun semasa sahaja selewat-lewatnya sebelum 30 September setiap tahun untuk memastikan pembayaran dapat dibuat pada tahun semasa tertakluk kepada peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi Bantuan Persekolahan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM743,600.00 melibatkan seramai 1,117 orang penerima. Bilangan penerima BSK telah meningkat sebanyak 11% berbanding tahun 2022.

#### Bantuan Kemasukan Ke Institusi Pengajian Tinggi

Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bertujuan untuk membantu meringankan beban kewangan veteran ketika pendaftaran kemasukan anak ke institusi pengajian tinggi. Bantuan ini juga diberi sebagai galakan dan motivasi untuk anak-anak veteran meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Institusi pengajian tinggi ini merangkumi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta kursus-kursus yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Agency (MQA) sahaja seperti yang disenaraikan dipautan <https://www2.mqa.gov.my/mqr/> di bawah

Kementerian Pengajian Tinggi tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

Bantuan ini dibayar secara sekaligus dengan kadar bayaran sebanyak RM1,000 bagi pengajian peringkat diploma dan RM1,500 untuk pengajian peringkat ijazah pertama. Pengajian yang diikuti hendaklah sepenuh masa di peringkat diploma dan ijazah pertama dan yang ditawarkan di dalam negara sahaja. Kursus yang berbentuk latihan yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan seperti latihan ketenteraan, kursus perguruan, separa perubatan dan kursus berbentuk profesional adalah tidak layak dipertimbangkan bantuan ini.

Semua permohonan Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi perlu dikemukakan dalam tempoh setahun dari tarikh kemasukan/pendaftaran ke IPTA/IPTS. Ini adalah untuk mengelakkan kelewatan pembayaran tertakluk kepada peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi Bantuan Kemasukan ke IPT pada tahun 2023 adalah sebanyak RM6,507,000.00 kepada 4,728 orang penerima. Bilangan penerima Bantuan Kemasukan ke IPT telah meningkat sebanyak 22% berbanding tahun 2022.

#### Bantuan Peralatan Pesakit

Bantuan Peralatan Pesakit bertujuan membantu Veteran ATM dan orang tanggungan yang memerlukan untuk membeli peralatan bantuan perubatan seperti kerusi roda, tongkat, katil, tilam dan sebagainya. Kadar bantuan adalah sebanyak RM5,000 (maksimum) bagi setiap permohonan.

Walau bagaimanapun, kadar bantuan peralatan pesakit ini adalah bergantung kepada lingkungan harga setiap jenis peralatan yang pernah diluluskan berdasarkan



daftar harga bagi setiap peralatan yang pernah diluluskan sebagai rujukan semasa menimbang permohonan yang diterima. Bagi mana-mana peralatan yang belum pernah diluluskan, ulasan dan maklumkan balas daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan diperolehi terlebih dahulu untuk membolehkan peralatan ini dipertimbang dan diluluskan.

Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan pengesahan tentang penyakit yang dialami dan keperluan peralatan tersebut daripada pegawai atau pakar perubatan hospital kerajaan. Perolehan secara Pesanan Kerajaan mestilah disertakan dengan tiga (3) sebut harga daripada pembekal manakala bagi bayaran balik disertakan dengan resit pembelian.

Tuntutan bayaran balik bagi peralatan pesakit hendaklah dikemukakan dalam tahun di mana perolehan atau pembelian tersebut





dibuat bagi membolehkan bayaran balik dibuat dalam tahun semasa dan mengelakkan bayaran lewat kepada pembekal atau veteran. Tuntutan bayaran balik bagi peralatan pesakit akan dibayar pada harga semasa pembelian atau kadar bantuan mengikut harga setiap jenis peralatan yang pernah diluluskan seperti yang dijelaskan di perenggan dua di atas (latar belakang).

Veteran boleh mengemukakan permohonan semula bagi peralatan pesakit yang telah mengalami kerosakan dengan pengesahan kerosakan peralatan tersebut diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan. Perkara akan diangkat untuk pertimbangan dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan dan Kemudahan Perubatan (JKKP).

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi bayaran Bantuan Peralatan Pesakit adalah sebanyak RM595,104.55. Manakala, bilangan penerima yang terlibat adalah seramai 507 orang. Bilangan penerima Bantuan Peralatan Pesakit meningkat sebanyak 7% berbanding tahun 2022.

**Bantuan Bencana Alam**

Bantuan Bencana Alam bertujuan untuk meringankan beban kewangan Veteran ATM yang mengalami kerosakan struktur rumah akibat daripada bencana alam seperti ribut, kebakaran, taufan, gempa bumi, banjir, tanah runtuh, tsunami dan lain-lain. Kadar Bantuan Bencana Alam yang boleh diluluskan adalah tidak melebihi RM10,000 (maksimum) berdasarkan laporan siasatan daripada pihak berkuasa yang berkaitan seperti polis, bomba dan pihak berkuasa tempatan.

Pemohon hendaklah bermastautin di rumah tersebut dan perakuan pemastautin perlu disahkan oleh Ketua Kampung atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Justeru, pengesahan berlakunya bencana alam hendaklah disokong dengan laporan pihak berkuasa




yang berkaitan seperti polis, bomba atau pihak berkuasa tempatan beserta gambar kejadian atau kerosakan (sekiranya ada).

Bagi kerosakan yang telah dibaiki, pemohon hendaklah mengemukakan gambar ketika pembaikan dibuat dan resit asal pembayaran yang telah diselesaikan. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh setahun dari tarikh kejadian bencana alam itu berlaku.

Kerosakan yang diambil kira dalam pemberian Bantuan Bencana Alam hanyalah kerosakan terhadap struktur utama bangunan rumah sahaja termasuk pintu, tingkap dan siling tidak termasuk kerosakan harta benda seperti kenderaan, perkakas rumah, barangan elektrik, perabot dan dokumen peribadi.


Selain itu, pergerakan tanah atau cerun yang mengakibatkan kerosakan rumah juga boleh dipertimbangkan sebagai salah satu perkara di bawah Bantuan Bencana Alam. Laporan kerosakan rumah tersebut hendaklah diperolehi daripada pihak berkuasa tempatan atau Jabatan Kerja Raya (JKR) atau mana-mana pihak yang berkompeten untuk membolehkan permohonan dipertimbangkan oleh JKKP. Laporan tersebut antara lain hendaklah mengandungi pengesahan bahawa pergerakan tanah telah berlaku, kaedah pembaikan yang disyorkan atau sama ada rumah tersebut selamat untuk diduduki atau sebaliknya.

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi Bantuan Bencana Alam pada tahun 2023 adalah sebanyak RM662,969.80 yang melibatkan seramai 139 orang penerima. Bilangan penerima Bantuan Bencana Alam menurun sedikit pada kadar 11% berbanding tahun 2022.






PERATUSAN PERBELANJAAN SKIM BANTUAN KEBAJIKAN  
TAHUN 2022



PERATUSAN PERBELANJAAN SKIM BANTUAN KEBAJIKAN  
TAHUN 2023



JUMLAH PERBELANJAAN : RM62,570,474.35

# Bahagian Khidmat Pengurusan

JHEV ATM





# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

## PENGENALAN

Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Hal Ehwal Veteran (BKP, JHEV ATM) bertanggungjawab merancang, mengurus dan menyelaras hal-hal berkaitan pengiktirafan kepada Veteran ATM, pengurusan sumber manusia, pengurusan aset dan stor serta pengurusan pentadbiran Jabatan. Terdapat empat (4) unit di bawah BKP iaitu Unit Memorial dan Pingat, Unit Sumber Manusia, Unit Aset dan Stor dan Unit Pentadbiran.

## FUNGSI-FUNGSI UTAMA BKP

1. Merancang dan menguruskan perkhidmatan pegawai dan kakitangan.
2. Merancang dan menguruskan hal ehwal pentadbiran Jabatan.
3. Pengurusan pengiktirafan Veteran ATM.
4. Program-program dalam Jabatan.
5. Pengurusan aset dan stor utama Jabatan.

## FUNGSI-FUNGSI UNIT MEMORIAL DAN PINGAT

1. Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia kepada Veteran ATM.
2. Menyelaraskan Perbarisan Hari Kebangsaan yang

- melibatkan pegawai Jabatan.
3. Menyelaraskan majlis-majlis rasmi Jabatan.
4. Pembayaran elaun kepada penerima Pingat Keberanian.
5. Menguruskan Majlis Memperingati Veteran ATM.

## FUNGSI-FUNGSI UNIT SUMBER MANUSIA

Mengurus dan menyelaras urusan perkhidmatan seperti berikut:

1. Pengisian perjawatan.
2. Urusan perkhidmatan pegawai dan kakitangan.
3. Pelaksanaan Program Latihan/Kursus.
4. Pelaksanaan HRMIS.
5. Pengurusan pencalonan Pingat/Anugerah/ Darjah Kebesaran.
6. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).

## FUNGSI-FUNGSI UNIT ASET DAN STOR

Menyelaras pengurusan pentadbiran Jabatan seperti berikut:

1. Pengurusan aset dan stor.
2. Perolehan barangan dan kontrak perkhidmatan berkaitan aset dan stor.

## FUNGSI-FUNGSI UNIT PENTADBIRAN

Menyelaras pengurusan pentadbiran Jabatan seperti berikut:

1. Pengurusan kenderaan.
2. Pengurusan surat-menyurat.
3. Pengurusan bil-bil berkaitan.
4. Sewaan dan penyelenggaraan bangunan.
5. Perolehan barangan dan kontrak perkhidmatan berkaitan pentadbiran Jabatan.

## PENCAPAIAN PRESTASI TAHUNAN 2023

### 1. PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA TAHUN 2023

Sasaran  
**6,000**  
Penerima

Pencapaian  
**5,356**  
Penerima



### 2. PELAKSANAAN MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA TAHUN 2023

Sasaran  
**10**  
Majlis

Pencapaian  
**10**  
Majlis



## PERINCIAN MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA TAHUN 2023

| SIRI | TARIKH     | Peg. Pengerua | Tempat                        | Penerima 2023 | Jumlah Penerima |
|------|------------|---------------|-------------------------------|---------------|-----------------|
| 1.   | 7 Feb 23   | KSU           | Wisma Perwira, Kuala Lumpur   | 671           | 36,135          |
| 2.   | 21 Feb 23  | TUDM          | Subang, Selangor              | 503           | 36,641          |
| 3.   | 7 Mac 23   | MENHAN        | Port Dickson, Negeri Sembilan | 403           | 37,044          |
| 4.   | 7 Mei 23   | Timb. MENHAN  | Ayer Keroh, Melaka            | 470           | 37,514          |
| 5.   | 17 Jun 23  | TUDM          | Butterworth, Pulau Pinang     | 500           | 38,014          |
| 6.   | 22 Jul 23  | TDM           | Kuala Terengganu, Terengganu  | 589           | 38,603          |
| 7.   | 25 Ogos 23 | TLDM          | Johor Bahru, Johor            | 570           | 39,170          |
| 8.   | 30 Sep 23  | TDM           | Kuantan, Pahang               | 550           | 39,720          |
| 9.   | 26 Okt 23  | MENHAN        | Port Dickson, Negeri Sembilan | 550           | 40,270          |
| 10.  | 13 Nov 23  | TDM           | Kuching, Sarawak              | 550           | 40,820          |



Penerima Tahun 2023  
**5,356**

Jumlah Penerima  
**40,820**

Jumlah Layak Terima  
**121,816**



Jumlah Belum Terima  
**80,996**



3. SENARAI TERKINI PENERIMA ELAUN KENANGAN



4. PENGISIAN PERJAWATAN KESELURUHAN JHEV ATM

| KATEGORI             | JAWATAN | ISI | KOSONG | JAWATAN | ISI | KOSONG |
|----------------------|---------|-----|--------|---------|-----|--------|
| PENGURUSAN / PEGAWAI | 22      | 21  | 1      | 30      | 30  | 0      |
| SOKONGAN / LLP       | 189     | 159 | 30     | 28      | 27  | 1      |
| JUMLAH               | 211     | 180 | 31     | 58      | 57  | 1      |

5. PENGISIAN PERJAWATAN JHEV ATM IBU PEJABAT

| KATEGORI             | JAWATAN | ISI | KOSONG | JAWATAN | ISI | KOSONG |
|----------------------|---------|-----|--------|---------|-----|--------|
| PENGURUSAN / PEGAWAI | 22      | 21  | 1      | 30      | 30  | 0      |
| SOKONGAN / LLP       | 189     | 159 | 30     | 28      | 27  | 1      |
| JUMLAH               | 211     | 180 | 31     | 58      | 57  | 1      |

6. PENGISIAN PERJAWATAN JHEV ATM CAWANGAN NEGERI

| KATEGORI             | JAWATAN | ISI | KOSONG | JAWATAN | ISI | KOSONG |
|----------------------|---------|-----|--------|---------|-----|--------|
| PENGURUSAN / PEGAWAI | 22      | 21  | 1      | 30      | 30  | 0      |
| SOKONGAN / LLP       | 189     | 159 | 30     | 28      | 27  | 1      |
| JUMLAH               | 211     | 180 | 31     | 58      | 57  | 1      |


AWAM TENTERA

|                               |     |     |
|-------------------------------|-----|-----|
| PERJAWATAN KESELURUHAN        | 237 | 269 |
| PERJAWATAN DI IBU PEJABAT     | 153 | 173 |
| PERJAWATAN DI CAWANGAN NEGERI | 84  | 96  |

7. PENCAPAIAN 40 JAM LATIHAN KAKITANGAN AWAM



8. AKTIVITI-AKTIVITI UNIT SUMBER MANUSIA



9. PELAKSANAAN MESYUARAT PENGURUSAN JHEV ATM





## 10. PELAKSANAAN MESYUARAT JKPAK JHEV ATM



**1** 25 Januari 2023

**Mesyuarat JKPAK  
Bil. 4 Tahun 2022**  
Bilik Mesyuarat Satria

**3** 5 Mei 2023

**Mesyuarat JKPAK  
Bil. 2 Tahun 2023**  
Bilik Mesyuarat Pahlawan

**2** 5 Mei 2023

**Mesyuarat JKPAK  
Bil. 1 Tahun 2023**  
Bilik Mesyuarat Pahlawan

**4** 31 Oktober 2023

**Mesyuarat JKPAK  
Bil. 3 Tahun 2023**  
Bilik Mesyuarat Satria

## 11. PELAKSANAAN MAJLIS RASMI JABATAN



**Majlis Amanat  
Tahun Baharu  
KP JHEV ATM**

Tingkat 15,  
Menara TH Perdana

# Bahagian Kerjaya dan Sosioekonomi

**JHEV ATM**





## BAHAGIAN KERJAYA DAN SOSIOEKONOMI

### OBJEKTIF

Bahagian Kerjaya dan Sosioekonomi (BKS) berfungsi sebagai medium perantaraan antara JHEV ATM dengan Veteran ATM dalam menjayakan pelbagai inisiatif mempertingkatkan taraf sosioekonomi Veteran ATM seperti mengadakan kolaborasi strategik agensi awam dan swasta bagi mendapatkan penawaran kerjaya kedua dan peluang keusahawanan untuk Veteran ATM. Bahagian ini juga berperanan menyelaras Inisiatif perumahan Veteran ATM bagi memastikan Veteran ATM yang kurang berkemampuan atau berpendapatan rendah menghuni kediaman yang selesa dengan persekitaran yang kondusif. BKS juga turut terlibat menyelaras taklimat peralihan dan pelaksanaan kaunter bergerak JHEV Cawangan Negeri sebagai program promosi yang membantu peralihan Veteran ATM dari perkhidmatan tentera yang aktif kepada kehidupan awam supaya berjalan lancar.

### FUNGSI



1. Meneroka, mewujudkan dan menjalin kolaborasi strategik dengan agensi awam/ swasta bagi penawaran peluang kerjaya kedua Veteran ATM;
2. Menyelaras dan memantau penempatan pekerjaan Veteran ATM hasil kerjasama agensi awam/ swasta serta merangka program peningkatan kualiti Veteran ATM berdepan dengan pasaran kerjaya;
3. Meneroka, mewujudkan dan menjalin kolaborasi strategik dengan agensi awam/swasta untuk pembangunan dan peningkatan kapasiti Usahawan Veteran ATM;
4. Menyelaras dan memantau pelaksanaan pameran dan promosi kaunter bergerak JHEV ATM serta pelaporan program 'outreach Veteran ATM' di seluruh negara;
5. Menyelaras dan memantau pelaksanaan sesi taklimat peralihan dan penerangan fungsi, peranan dan tanggungjawab JHEV ATM kepada bakal Veteran ATM; dan
6. Merancang dan menyelaras pelaksanaan

Inisiatif Perumahan Veteran ATM yang melibatkan program baik pulih rumah dan program bina baharu rumah untuk Veteran ATM dengan kerjasama JHEV Negeri dan SPNB.

### AKTIVITI

#### 1. PROGRAM PENEMPATAN KERJA PASCA PERKHIDMATAN VETERAN ATM

Program ini merupakan inisiatif JHEV ATM dalam meneroka peluang kerjaya pasca perkhidmatan untuk Veteran ATM. Bagi tujuan membina rangkaian kerjasama yang luas dan mampan, BKS menjalinkan kerjasama dengan Jabatan dan Agensi Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat-syarikat Swasta. Sepanjang tahun 2023, BKS telah mengadakan kerjasama dan padanan tawaran pekerjaan dengan pelbagai agensi seperti BK Aquacultured Sdn Bhd, Solid Partners Sdn Bhd, SIRIM Berhad, Carpedia dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). Daripada 296 jawatan yang ditawarkan, sebanyak 80.74% atau 239 kekosongan telah berjaya diisi sebagai kerjaya kedua kepada Veteran ATM yang memohon melalui BKS. Selaras dengan komitmen kerajaan bagi membela kebajikan Veteran ATM melalui pelbagai usaha seperti mendapatkan lebih banyak peluang pekerjaan, BKS berhasrat untuk meneroka dan mendapatkan sekurang-kurangnya 450 padanan pekerjaan untuk Veteran ATM setiap tahun.



#### 2. KERJASAMA JHEV ATM DAN PERHILITAN

Tahun 2023 merupakan tahun keempat JHEV ATM menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) sejak tahun 2020 di bawah Biodiversity Protection and Patrolling Programme (BP3) dengan memberi peluang kepada Veteran ATM terpilih berkhidmat sebagai Renjer Komuniti (RK). Seramai 34 orang Veteran ATM telah ditawarkan jawatan Renjer Hidupan Liar bagi tahun 2023. Kriteria dan syarat-syarat untuk menjadi RK adalah berumur 45 tahun ke bawah, Lulus Ujian Penglihatan, Rabun Warna dan kecergasan Fizikal. BMI hendaklah di bawah 26.5 dan lulus pemeriksaan Pembuta serta melepasi ujian saringan air kencing. Gaji RK adalah sebanyak RM2,900.00 dan lantikan adalah secara kontrak selama 1 tahun.

#### 3. PROGRAM RESKILLING & UPSKILLING VETERAN ATM TAHUN 2023

Kerajaan melalui pembentangan Bajet 2023 telah menyediakan peruntukan khas sebanyak RM5 juta khusus untuk Program *Reskilling & Upskilling* Veteran ATM (PRUV ATM) bagi tahun 2023.

Antara kursus-kursus yang telah diluluskan bagi Program *Reskilling & Upskilling* adalah:

- Kursus *Occupational Safety & Health Coordinator* (OSH-C);
- Kursus Pengendalian Dron;
- Kursus Rangkaian Komputer;



- iv. Kursus Servis Kereta Elektrik dan Hybrid;
- v. Kursus Aquatic Lifeguarding Operation Bronze Medallion; dan
- vi. Kursus Keselamatan Siber.

Peruntukan bertujuan untuk peningkatan kemahiran yang melibatkan seramai 1,250 orang veteran melalui penawaran latihan pendidikan kemahiran teknikal dan vokasional (TVET).

#### 4. KAUNTER BERGERAK DAN KHIDMAT NASIHAT

Bagi tujuan promosi dan inisiatif penyampaian maklumat yang lebih berkesan dari JHEV ATM kepada Veteran ATM, BKS turut menyelaras pelaksanaan Kaunter Bergerak dan Khidmat Nasihat melalui koordinasi dengan JHEV ATM Cawangan Negeri. BKS juga turut terlibat dalam slot pameran anjuran Kementerian Pertahanan dan Kementerian/Agensi Luar. Matlamat utama koordinasi Kaunter Bergerak dan Khidmat Nasihat ini adalah untuk membantu memberi penerangan berkaitan pengurusan dan perancangan persaraan kepada bakal Veteran ATM serta promosi mengenai bantuan-bantuan kebajikan dan perkhidmatan yang terdapat di JHEV ATM. Bagi tahun 2023 perkhidmatan kaunter bergerak telah dilaksanakan di 62 lokasi dan penglibatan seramai 5,942 Veteran ATM.

#### 5. KARNIVAL USAHAWAN VETERAN ATM TAHUN 2023

##### a. PERINGKAT NEGERI KEDAH

Hari Terbuka JHEV ATM Peringkat Negeri Kedah Tahun 2023 telah diadakan pada 24 Jun 2023 bertempat di Dewan Seri Baling Inn, Baling, Kedah. Acara ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM. Program Hari Terbuka JHEV ini dilaksanakan secara kolaborasi bersama Persatuan Veteran Tentera Tidak Berpencen (PVTTB) serta menetapkan JHEV ATM Cawangan Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang sebagai penyelaras bagi program tersebut. Seramai lebih 800 pengunjung telah hadir mengikuti Program Hari Terbuka JHEV ATM tersebut, ia telah mencapai objektif program serta membantu para Veteran ATM menjual dan memasarkan produk mereka.

##### b. PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Karnival Usahawan Veteran ATM Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2023 telah diadakan pada 28 hingga 29 Oktober 2023 bertempat di Mango's Park, Port Dickson, Negeri Sembilan. Acara ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM. Program Hari Terbuka JHEV ini dilaksanakan secara kolaborasi bersama Persatuan Veteran Tentera Tidak Berpencen (PVTTB) serta menetapkan JHEV ATM Cawangan Negeri Melaka dan Negeri Sembilan sebagai penyelaras bagi

program tersebut. Seramai lebih 1,000 pengunjung telah hadir mengikuti program ini bertujuan untuk mencapai objektif program dan membantu para Veteran ATM serta berupaya mencapai tahap sosioekonomi yang sejahtera.

#### OBJEKTIF KARNIVAL USAHAWAN VETERAN ATM

Program ini dilaksanakan berdasarkan keperluan untuk mengukuhkan lagi kerjasama strategik, mendapat maklum balas secara terus daripada Veteran ATM, hebahan aktiviti Jabatan ini dan penyaluran perkhidmatan secara terus kepada veteran berdasarkan konsep turun padang. Program ini dilaksanakan sebagai platform untuk JHEV ATM berinteraksi secara langsung dengan komuniti Veteran ATM, untuk penyampaian maklumat aktiviti semasa Jabatan dan membantu kumpulan sasar mendapatkan perkhidmatan Jabatan secara langsung melalui kaunter bergerak yang disediakan.

#### 6. PROGRAM KERJAYA @ PENGANGKUTAN BERSAMA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA (MOT)

Program Kerjaya @ Pengangkutan telah diadakan pada 23 dan 24 September 2023 bertempat di AEON Mall Nilai, Negeri Sembilan yang melibatkan syarikat-syarikat pengangkutan di bawah MOT dan menyasarkan peluang pekerjaan kepada orang awam termasuk Veteran ATM kawasan Seremban dan sekitarnya.

Program kerjaya ini bertujuan membuat suai padan pekerjaan dan hebahan peluang kerjaya kepada orang awam dan Veteran ATM. Terdapat 10 syarikat terlibat dengan menawarkan kekosongan lebih 2,000 jawatan, kategori jawatan, dan jumlah kekosongan ditawarkan mengikut sektor.

#### 7. INISIATIF PERUMAHAN VETERAN ATM

Inisiatif Perumahan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melibatkan dua (2) program iaitu program baik pulih rumah dan program bina baharu rumah. Sepanjang tahun 2023, pelaksanaan inisiatif ini telah melibatkan peruntukan sebanyak RM5.74 juta bagi 223 unit rumah. Daripada jumlah tersebut, RM3.07 juta diperuntukkan untuk projek baik pulih 183 unit rumah dan RM2.71 juta diperuntukkan untuk pembinaan 40 unit rumah baharu.

Objektif pelaksanaan Inisiatif Perumahan Veteran ATM ini adalah selaras dengan strategi di bawah Pelan Strategik MINDEF: Teras 7 – Transformasi Kesejahteraan Veteran ATM. Inisiatif ini juga merupakan usaha kerajaan membantu Veteran ATM yang berpendapatan rendah dan miskin dalam menyediakan tempat kediaman yang kondusif dan selesa untuk diduduki.

Program baik pulih rumah dilaksanakan secara kerjasama JHEV cawangan Negeri dan Veteran ATM tersebut melalui pemilihan kontraktor yang dapat memenuhi spesifikasi kerja-kerja baik pulih rumah yang ditetapkan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Program ini melibatkan kos siling baik pulih rumah sebanyak RM17,000.00 seunit.

Program Pembinaan Rumah Baharu dilaksanakan secara kolaborasi dengan pihak Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang turut menawarkan Skim Rumah Mesra Rakyat dibawah seliaan SPNB berjumlah RM20,000.00 bagi setiap rumah. Dengan bantuan tambahan tersebut, pihak SPNB telah bersetuju menawarkan harga pembinaan sebuah rumah berkeluasan 1,000 kaki persegi di Semenanjung Malaysia dengan jumlah RM65,000.00 manakala bagi Sabah / Sarawak dengan harga RM75,000.00 bagi rumah berkeluasan 850 kaki persegi.







# Bahagian Kewangan dan Akaun

JHEV ATM





# BAHAGIAN KEWANGAN DAN AKAUN

Bahagian Kewangan dan Akaun (BKA), JHEV ATM berperanan untuk merancang, mengurus dan mengawal selia akaun jabatan, menyediakan Anggaran Belanja Mengurus jabatan, mengawal peruntukan serta perbelanjaan tahunan disamping mengurus semua pembayaran bil tuntutan dan pembayaran faedah-faedah persaraan, bantuan kebajikan dan perubatan kepada Veteran ATM.

**FUNGSI**

- 1. Menyedia, merancang dan mengawal peruntukan Belanja Mengurus jabatan.
- 2. Mengawal selia dan memastikan semua prosedur dan peraturan perakaunan dan kewangan yang berkuatkuasa.
- 3. Menyediakan Laporan Penyesuaian Bank, Laporan Penyesuaian Amanah, Laporan Akaun Belum Terima (ABT) dan Laporan Penyesuaian Hasil Jabatan dan lain-lain laporan yang berkaitan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 4. Merancang dan melaksana pengurusan perolehan di bawah RM500,000.00 mengikut tatacara perolehan kerajaan yang berkuatkuasa

yang melibatkan sebutharga, kontrak, pembelian terus (pesanan kerajaan)

- 5. Merancang dan melaksanakan pengurusan perbelanjaan yang melibatkan bayaran pukal, panjar wang runcit dan pelbagai jenis tuntutan yang melibatkan bil, utiliti, perjalanan, bekalan perkhidmatan dan lain-lain.
- 6. Mengurus permohonan dana harian dan bulanan dalam sistem iGFMS dan mengawal aliran tunai jabatan.
- 7. Mengurus pembayaran balik tuntutan perubatan kepada Veteran ATM yang berpencen dan tidak berpencen dan lain-lain pembayaran yang diumumkan oleh pihak Kerajaan.

**PERUNTUKAN DAN PRESTASI PERBELANJAAN TAHUN 2023**

JHEV ATM telah berjaya membelanjakan semua peruntukan yang diberi pada tahun 2023. Ringkasan peruntukan dan perbelanjaan adalah sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Peruntukan yang diterima dan perbelanjaan bagi tahun 2023



**MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (JKPA)**

Sebanyak empat (4) mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JKPA) telah diadakan pada tahun 2023 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Pelaksanaan Mesyuarat JKPA Peringkat Jabatan






BKA juga telah menyelaraskan dan menyediakan Laporan Suku Tahun JPKA kepada Bahagian Kewangan, Kementerian Pertahanan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan PS 5.1 Garis Panduan Pelaksanaan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun.

#### MESYUARAT AKAUN DEPOSIT PELARASAN (ADP) DAN AKAUN BELUM TERIMA (ABT)


Pada tahun 2023, BKA telah melaksanakan sebanyak empat (4) mesyuarat Akaun Deposit Pelarasan (ADP) dan Akaun Belum Terima (ABT)



Bagi memastikan Akaun Belum Terima dan Akaun Deposit Pelarasan dapat dikurangkan, pelbagai usaha diteruskan dan usaha baru dilaksanakan sepanjang tahun 2023 seperti berikut:

- 1) Pengimbasan dokumen (Document Scanning).
- 2) Turun padang Program Jejak Veteran
- 3) Semakan silang senarai veteran ATM di Jabatan Insolvensi bagi menentusahkan status kebangkrapan.
- 4) Semakan silang status kematian dengan rekod di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).
- 5) Memperkasakan peranan Call Centre /Unit Komunikasi Korporat (UKK) – menyalur maklumat kepada veteran ATM secara atas talian (online).
- 6) Portal Wang Tidak Dituntut (WTD).
- 7) Pemberhentian sementara bayaran pencen skim B bagi transaksi skim B Luput yang berulang.
- 8) Semakan data di Kaunter Perkhidmatan Setempat (OSC).
- 9) Menyelesaikan segala aduan yang diterima daripada veteran ATM dengan secepat yang mungkin.

#### RINGKASAN AKAUN BELUM TERIMA MENGIKUT USIA (AGEING) SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2023



#### KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT PELARASAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2023







BILANGAN BAUCAR YANG DIPROSES DAN JUMLAH PERMOHONAN DANA BAGI TAHUN 2021 SEHINGGA 2023

Berdasarkan graf di atas, terdapat peningkatan bagi bilangan baucar yang diproses dan jumlah permohonan dana dari tahun 2021 sehingga 2023. Ini disebabkan terdapat peningkatan dalam jumlah permohonan bantuan-bantuan seperti bantuan sara hidup, bantuan kemasukan anak ke sekolah/IPT, bantuan bencana alam, bantuan perubatan, bantuan peralatan pesakit dan juga permohonan inisiatif perumahan. Selain itu, perluasan bantuan sara hidup yang diperkenalkan pada tahun 2023 serta peningkatan jumlah veteran yang berpencen dari tahun ke tahun juga mempengaruhi jumlah permohonan dana dan jumlah baucar yang diproses.

PERBELANJAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2023 (VIBES)




Cetakan Cek dan Waran dari Tahun 2021 sehingga 2023



PEMBAYARAN MELALUI CEK DAN WARAN

Berdasarkan graf di atas, bilangan transaksi dan amaun cetakan Waran di JHEV ATM semakin meningkat dari tahun 2021 sehingga tahun 2023. Ini adalah kerana JHEV mula memperkenalkan inisiatif perumahan pada tahun 2021 di mana kaedah pembayaran bagi inisiatif perumahan termasuklah baik pulih dan bina baharu adalah melalui waran dan pada tahun 2023, permohonan bagi inisiatif perumahan meningkat berbanding tahun 2022. Bagi cetakan cek pula, penurunan bilangan cek adalah disebabkan kaedah pembayaran kepada agensi-agensi yang terlibat seperti LHDN, LPPSA, Jabatan Insolvensi dan sebagainya telah berubah kepada *Electronic Fund Transfer* (EFT).


Pembayaran Melalui EFT dari tahun 2021 sehingga 2023



PEMBAYARAN MELALUI EFT

Bagi pembayaran melalui EFT, terdapat peningkatan dari tahun 2021 sehingga tahun 2023. Peningkatan ini adalah kerana pertambahan jumlah permohonan bagi bantuan-bantuan yang diberikan antaranya bantuan sara hidup, bantuan persekolahan/IPT, bantuan peralatan pesakit, bantuan perubatan dan sebagainya. Selain itu, perluasan bantuan sara hidup yang diberikan kepada veteran ATM pada tahun 2023 juga turut menyumbang kepada peningkatan ini selain daripada jumlah veteran yang berpencen semakin bertambah dari tahun ke tahun.



**PRESTASI PROSES PEMBAYARAN BIL / INVOIS SEMPURNA SEHINGGA 31 DISEMBER 2023 (VIBES)****AKTIVITI BAHAGIAN KEWANGAN DAN AKAUN**

- (1) MESYUARAT JPKA BIL. 1 TAHUN 2023 PERINGKAT JHEV ATM DI BILIK MESYUARAT SATRIA PADA 17 APRIL 2023
- (2) MESYUARAT TAPISAN BAJET MENGURUS TAHUN 2023 PERINGKAT KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF) DI BILIK MESYUARAT PAHLAWAN, JHEV ATM PADA 7 JUN 2023

MESYUARAT JPKA BIL 1 TAHUN 2023 PERINGKAT JHEV ATM DI BILIK MESYUARAT SATRIA  
PADA 17 APRIL 2023



MESYUARAT TAPISAN BAJET MENGURUS TAHUN 2023 PERINGKAT KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)  
DI BILIK MESYUARAT PAHLAWAN JHEV ATM PADA 7 JUN 2023





MESYUARAT KAJIAN SEPARUH PENGAL ABM TAHUN 2023 BERSAMA BAHAGIAN KEWANGAN, MINDEF PADA 24 OGOS 2023



# Bahagian Dasar

JHEV ATM






FUNGSI


- 1. Merancang, menggubal, menyelaras serta memantau pelaksanaan dasar-dasar strategik sejajar dengan matlamat dan sasaran kementerian Pertahanan/ JHEV ATM
- 2. Membantu Jabatan melaksanakan peranannya sebagai custodian Akta Veteran 2012 (Akta 740)
- 3. Mendaftar dan mengawalselia persatuan-persatuan veteran ATM

STATISTIK PERSATUAN VETERAN

Carta 1. Statistik Persatuan Veteran Berdaftar di bawah JHEV ATM



Carta 2. Statistik Persatuan Veteran Mengikut Negeri





## PELANCARAN KEMPEN TABUNG PAHLAWAN

### SEJARAH

- Kempen Tabung Pahlawan (KTP) mula dilaksanakan pada tahun 1950 di bawah custodian Persatuan Bekas Tentera Malaya (Kini dikenali sebagai Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia - PVATM).
- Pada awalnya Kempen Tabung Pahlawan dikenali sebagai “Poppy Day” iaitu persamaan dengan kempen yang diadakan di Britain. Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, nama Poppy Day ditukar kepada Tabung Pahlawan di mana lambang bunga poppy telah ditukar kepada lambang bunga raya. Pada tahun 2013, Tabung Pahlawan telah mengalami penjenamaan semula di mana nama Rayuan Hari Pahlawan telah ditukar kepada “Kempen Tabung Pahlawan”. Kini, Kempen Tabung Pahlawan (KTP) diurus setiakan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM supaya manfaat KTP ini dapat dinikmati oleh semua veteran-veteran ATM

### OBJEKTIF KTP

Memupuk kesedaran di kalangan masyarakat agar sentiasa prihatin dan menghargai pengorbanan Veteran ATM sejajar dengan jasa dan pengorbanan para Veteran ATM.

Meningkatkan semangat patriotisme di kalangan masyarakat Malaysia terutama di kalangan generasi muda dan belia dengan penyampaian maklumat dan bersua muka melalui program-program kesedaran serta program patriotik

Mendapatkan dana kepada Veteran ATM dan tanggungan yang memerlukan bantuan lain yang tidak disediakan oleh Kerajaan melalui sumbangan Syarikat Korporat, Agensi Kerajaan /Swasta dan Masyarakat



## PELANCARAN KEMPEN TABUNG PAHLAWAN 2023

Kempen Tabung Pahlawan 2023 telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Semua penyumbang berpeluang untuk menikmati rebat potongan cukai jika menyumbang kepada Kempen Tabung Pahlawan dalam tempoh kutipan iaitu daripada bulan Ogos 2023 sehingga Julai 2024.



## PERJUMPAAN DAN PROGRAM DIALOG BERSAMA PERSATUAN-PERSATUAN VETERAN ATM

### Perjumpaan Tahunan Bersama Persatuan-Persatuan Induk Veteran ATM

Sesi perjumpaan tahunan bersama persatuan-persatuan induk veteran ATM ini telah diadakan pada 21 Jun 2023 bertempat di Wisma Perwira Kuala Lumpur. Sesi perjumpaan ini telah dirasmikan oleh YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan. Seramai 146 orang wakil-wakil persatuan telah menghadiri perjumpaan ini. Antara pengisian program ini adalah sesi-sesi taklimat terkini berkaitan perkhidmatan JHEV ATM dan dialog isu-isu berbangkit oleh persatuan.







### Majlis Dialog Ketua Pengarah Jhev ATM Bersama Persatuan Veteran ATM Selangor & W.P Kuala Lumpur

YBhg Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah JHEV ATM telah menghadiri Sesi Dialog Ketua Pengarah JHEV ATM Bersama Persatuan Veteran ATM Negeri Selangor & W.P Kuala Lumpur pada 20 Disember 2023 di Kelab Rekreasi Tentera Udara (KRTU), Pangkalan Udara Subang. Seramai 100 orang Veteran ATM telah menghadirkan diri pada sesi dialog tersebut.

Sesi dialog yang dilaksanakan ini merupakan sebahagian daripada aktiviti perjumpaan yang dirancang dalam rangka kunjungan hormat Pegawai-pegawai Kanan Ibu Pejabat JHEV ATM kepada persatuan-persatuan veteran ATM mengikut negeri. Sesi seperti ini telah memberi peluang kepada Veteran ATM untuk mengutarakan cadangan, aduan dan permasalahan yang dihadapi oleh mereka.

### Jadual Program Perjumpaan JHEV ATM Bersama Persatuan-persatuan Veteran ATM Bagi Akhir Tahun 2023



### MAJLIS PENYERAHAN MOCK CHEQUE PEMBIAYAAN PERSATUAN-PERSATUAN VETERAN ATM

Majlis Penyerahan *Mock Cheque* Pembiayaan Persatuan Veteran telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JHEV ATM pada 3 Oktober 2023 di bilik Mesyuarat Pahlawan, Tingkat 20, Bangunan TH Perdana, Kuala Lumpur.


Majlis Penyerahan Mock Check kepada 13 persatuan veteran ATM yang diwakili oleh Presiden Persatuan atau AJK Tertinggi persatuan pada tarikh tersebut menjadi simbolik pemberian dana pembiayaan persatuan veteran bagi tahun 2023. 13 buah persatuan yang menerima *mock cheque* adalah Persatuan Veteran ATM, Kelab Veteran Komando Malaysia, Persatuan Veteran Tentera Laut Diraja Malaysia, Kelab Pesara 23 RAMD, Persatuan Alumni Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), Persatuan Airforce Seven, Persatuan Kebajikan Veteran 2 RAMD (HARIMAU MALAYA), Kelab Veteran Kor Risik Malaysia (KVKRM), Kelab Ex RMN Intake 121/75, Persatuan Veteran Paskal TLDM, Persatuan Veteran Darud 88/78, Persatuan Vat Zon Klebang Chemor dan Persatuan Veteran Kor Agama (KAGAT).


Kelulusan bagi pemberian dana persatuan pada setiap tahun telah dilaksanakan melalui Mesyuarat Jemaah menteri pada 26 November 2018 dimana Kerajaan telah bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak RM500,500.00 setiap tahun bagi membiayai persatuan-persatuan yang aktif menjalankan aktiviti veteran. Bagi tujuan tersebut, persatuan perlu mengemukakan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan kepada JHEV ATM. Penyaluran dana kepada persatuan yang diluluskan adalah berdasarkan julat keahlian persatuan.





Secara keseluruhannya, Kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM475,000.00 pada tahun 2023 kepada 116 persatuan induk yang aktif. Manakala, enam persatuan lagi tidak mengemukakan sebarang permohonan dana pembiayaan persatuan.

|  JULAT KEAHLIAN (ORANG) |  DANA YANG LAYAK (RM) |  BILANGAN PERSATUAN DILULUSKAN |  JUMLAH (RM) |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 10,000 ke atas                                                                                           | 25,000.00                                                                                              | 2                                                                                                               | 25,000.00                                                                                       |
| 5,000 sehingga 9,999                                                                                     | 15,000.00                                                                                              | 3                                                                                                               | 15,000.00                                                                                       |
| 2,000 sehingga 4,999                                                                                     | 10,000.00                                                                                              | 5                                                                                                               | 10,000.00                                                                                       |
| 1,000 sehingga 1,999                                                                                     | 7,000.00                                                                                               | 6                                                                                                               | 7,000.00                                                                                        |
| 500 sehingga 999                                                                                         | 5,000.00                                                                                               | 14                                                                                                              | 5,000.00                                                                                        |
| 100 sehingga 499                                                                                         | 3,000.00                                                                                               | 61                                                                                                              | 3,000.00                                                                                        |
| 7 sehingga 99                                                                                            | 1,400.00                                                                                               | 25                                                                                                              | 1,400.00                                                                                        |



**JUMLAH KESELURUHAN**  
**RM 475,000.00**

**PENCAPAIAN TERAS 7 PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN PERTAHANAN: AGENDA KESEJAHTERAAN VETERAN**

Secara keseluruhannya, Agenda Kesejahteraan Veteran ATM di bawah Pelan Strategik Kementerian Pertahanan 2021-2025 mengandungi Empat Strategi dan 16 Inisiatif Strategik. 3 daripada 4 strategi tersebut berjaya mencapai 100%. Bagi tahun 2023, pencapaian keseluruhan di bawah Teras 7 tersebut adalah sebanyak 95.3% sahaja disebabkan kegagalan Inisiatif Strategi – Kempen Tabung Pahlawan mencapai sasaran yang ditetapkan

Secara keseluruhannya, Agenda Kesejahteraan Veteran ATM di bawah Pelan Strategik Kementerian Pertahanan 2021-2025 mengandungi Empat Strategi dan 16 Inisiatif Strategik. 3 daripada 4 strategi tersebut berjaya mencapai 100%. Bagi tahun 2023, pencapaian keseluruhan di bawah Teras 7 tersebut adalah sebanyak 95.3% sahaja disebabkan kegagalan Inisiatif Strategi – Kempen Tabung Pahlawan mencapai sasaran yang ditetapkan

**PROGRAM PEDULI VETERAN (PPV)**



Program Peduli Veteran (PPV) yang telah dilancarkan pada awal tahun ini merupakan platform untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan turun padang menyantuni, mendekati dan mendapat input serta maklum balas secara langsung daripada Veteran dan persatuan Veteran di setiap negeri. Program ini telah menjadi tanda iltizam Pejabat Timbalan Menteri dan Kementerian yang serius untuk menangani permasalahan dan meningkatkan aspek kebajikan Veteran ATM.

Inisiatif ini memberi tumpuan kepada 5 aspek: kebajikan, kesihatan, pendidikan, perumahan dan empowerment. JHEV ATM telah terlibat secara aktif dalam perolehan bakul makanan dengan peruntukan sebanyak RM238 ribu yang diserahkan kepada veteran-veteran semasa sesi PPV. Secara keseluruhan, sebanyak 20 sesi PPV telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 dengan tumpuan kepada beberapa negeri di Semenanjung Malaysia. Program ini akan diteruskan pada tahun 2024 dengan penumpuan kepada negeri Sabah, Sarawak dan beberapa daerah seperti Langkawi, Cameron Highland, Rompin, Klang, Muar, Mersing dan lain-lain lagi.



**LAWATAN PASCA BANJIR YB TIMBALAN MENTERI KE ATAS VETERAN KE ATAS VETERAN ATM DI KELANTAN DAN TERENGGANU PADA 11 DAN 12 JANUARI 2024**

Kelantan dan Terengganu, 11 hingga 12 Januari 2024 – Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan telah meluangkan masa melawat pasca banjir bagi Veteran ATM di Kelantan dan Terengganu.

Pada 11 Januari 2024, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan diiringi Ketua Pengarah JHEV ATM ke Kelantan dalam menyantuni 5 Veteran ATM yang terjejas akibat bencana banjir



dan menyampaikan bantuan berupa kotak makanan di sekitar Jeli dan Kuala Krai. Antara veteran yang disantuni adalah Kamaruzaman bin Othman, Awang Soh bin Awang Noh, Mohamad Yusof bin Salleh, Suzuki bin Alias dan Abdul Aziz bin Ramli.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan diiringi Ketua Pengarah JHEV ATM ke Terengganu pada 12 Januari 2024. YB Timbalan Menteri menyantuni veteran dan balu yang terlibat banjir di kawasan sekitar Ajil dan Kuala Berang. Yang Dipertua PVATM Negeri Terengganu dan wakil dari 4 Persatuan Veteran Negeri Terengganu iaitu PVATM, PVTB, PEKEEM dan PVTLDM turut hadir dalam menyantuni veteran dan balu. Antara veteran dan balu terlibat adalah Abdullah bin Samat, Zameri bin Sulong, Abdul Rahman bin Abu Bakar, Aripin bin Abdullah, Allahyarham Ahmad bin Musa. Balu: Siti Rapisah binti Ismail, Allahyarham Tun Abd Manan bin Tun Omar. Balu: Che Kamariah binti A.Latiff, Mohamad bin Ali dan Mohamad bin Ab. Hamid.

#### 11 JANUARI 2024 (KELANTAN)



#### 12 JANUARI 2024 (TERENGGANU)






## LAWATAN KEBAJIKAN YANG BERHORMAT MENTERI PERTAHANAN KEPADA VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) DI KOTA TINGGI, JOHOR DARUL TAKZIM

Johor, 4 Februari 2024 – Menteri Pertahanan Malaysia meluangkan masa dan menyantuni Veteran ATM yang terkesan akibat banjir, asnaf dan sakit di Daerah Kota Tinggi, Johor. Antara sumbangan yang diberikan berupa wang tunai, barangan keperluan serta lampin dewasa kepada Veteran ATM yang dilawati malah penyampaian Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada Veteran ATM yang layak.

Antara veteran-veteran ATM yang dilawati oleh Menteri Pertahanan Malaysia ialah:

1. T 1033713 Misseran bin Mohamad, No 30, Jalan Burung Teratai 2, Taman Mawai, Kota Tinggi, Johor.
2. T 1023433 Harun bin Samsudin, No 44, Jalan Bertam 1, Taman Aman, Kota Tinggi, Johor.
3. T 1092950 Lokman bin Ahmad, No 16, Jalan Bertam 2, Taman Aman, Kota Tinggi, Johor.
4. T 83710 Hj Mohamad Said bin Simat, No 182, Kampung Felda Pasak, 81960 Kota Tinggi, Johor.
5. T 930074 Mohd Sidek bin Tahir, No 4, Jalan Binjai, Bandar Sri Perani, 81900 Kota Tinggi, Johor.
6. T 1087434 Za'ba bin Ahmad, No 219 A, Blok 14, Felda Bukit Aping Barat, Kota Tinggi, Johor.
7. T 1043669 Sallehuddin bin Othman, No 1148, Jalan Ara, Blok 6, Felda Bukit Waha, 81900 Kota Tinggi, Johor.



# Bahagian Pencen

JHEV ATM





Bahagian Pencen, Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) berperanan untuk mengurus dan memantau proses pembayaran faedah-faedah persaraan pegawai dan anggota ATM. Faedah Persaraan merangkumi faedah-faedah perkhidmatan, faedah kematian dan faedah hilang upaya. Selain itu, Bahagian Pencen juga melaksanakan penyelarasan faedah persaraan dan memproses permohonan kemudahan perubatan kepada Veteran ATM.

1. Faedah Perkhidmatan dan Hilang Upaya


Faedah Perkhidmatan & Hilang Upaya



| PERKARA                                    | JUMLAH PENERIMA | AMAUN PERBELANJAAN (RM) |
|--------------------------------------------|-----------------|-------------------------|
| Pencen Perkhidmatan                        | 3,942           | 9,539,984.00            |
| Ganjaran Perkhidmatan                      | 3,715           | 369,397,062.60          |
| Ganjaran Tamat Perkhidmatan                | 54              | 10,066,231.55           |
| Ganjaran Ihsan                             | 16              | 2,493,856.50            |
| Faedah Gantian Cuti Rehat (FGCR)           | 3,797           | 125,127,596.98          |
| Pencen Hilang Upaya                        | 18              | 431,233.17              |
| Ganjaran Hilang Upaya                      | 109             | 230,073.00              |
| Ex-Gratia Bencana Kerja Bulanan            | 15              | 904,259.25              |
| Ex-Gratia Bencana Kerja Pukal              | 129             | 4,860,830.04            |
| Insurgensi Veteran                         | 7,403           | 1,996,910.33            |
| Elaun Pelajaran                            | 61              | 67,130.00               |
| Elaun Tamat Perkhidmatan Mobilisasi (ETPM) | 91              | 2,360,150.27            |

Jadual 1: Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Faedah Perkhidmatan dan Hilang Upaya bagi tahun 2023 berakhir 31 Dis 2023.

2. Faedah Kematian



|                                                      |       |               |
|------------------------------------------------------|-------|---------------|
| Bantuan Mengurus Jenazah (BMJ)                       | 2,083 | 6,024,978.83  |
| Pencen Terbitan - Meninggal Dalam Perkhidmatan (MDP) | 119   | 753,807.62    |
| Pencen Terbitan - Meninggal Dalam Persaraan (MDS)    | 2,352 | 7,667,252.06  |
| Ganjaran Terbitan                                    | 120   | 14,019,138.80 |
| Faedah Gantian Cuti Rehat (FGCR)                     | 113   | 1,179,691.19  |
| Pencen Orang Tanggungan                              | 53    | 2,050,687.36  |
| Ex-Gratia Orang Tanggungan                           | 52    | 2,717,231.72  |
| Insurgensi Orang Tanggungan                          | 6,993 | 5,074,811.64  |

**Jumlah Keseluruhan 6109 39,487,599.22**

Jadual 2: Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Faedah Kematian Berakhir 31 Dis 2023.

3. Penyelarasan Faedah Persaraan

| PERKARA                   | FAEDAH                                                      | JUM.PENERIMA | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|---------------------------|-------------------------------------------------------------|--------------|--------------------------|
|                           | Pencen                                                      |              | 3,896,364.25             |
|                           | Ganjaran                                                    | 1,678        | 9,871,214.72             |
|                           | FGCR                                                        |              | 1,245,698.09             |
|                           | Lain-lain pelarasan                                         |              |                          |
|                           | Pencen (Hilang Upaya / + 2 % / Pencen Mini-ma/TTP/KLB/FGCR) | 1,048        | 2,159,256.13             |
|                           | FGCR 160 – 180 hari                                         | 3,477        | 16,385,982.41            |
| Pencen Luar Negara        | Pencen                                                      | 38           | 1,013,933.04             |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> |                                                             | <b>6109</b>  | <b>34,572,448.64</b>     |

Jadual 3: Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Penyelarasan Pencen Berakhir 31 Dis 2023.

4. Kemudahan Perubatan




Kemudahan Perubatan

| Bil           | Perkara                       | Jumlah Keseluruhan | Jumlah Perbelanjaan Keseluruhan | Veteran Berpencen | Jumlah Perbelanjaan (RM) | Veteran Tidak Berpencen | Jumlah Perbelanjaan (RM) |
|---------------|-------------------------------|--------------------|---------------------------------|-------------------|--------------------------|-------------------------|--------------------------|
| 1.            | Hemodialisis                  | 5,277              | 53,615,077.17                   | 3,370             | 40,157,227.25            | 1,907                   | 13,457,799.92            |
| 2.            | Alat Ortopedik & Implan       | 415                | 2,999,043.77                    | 223               | 1,513,076.78             | 192                     | 1,485,966.99             |
| 3.            | Alat Bantuan Pendengaran      | 239                | 1,071,828.00                    | 137               | 618,414.00               | 102                     | 453,414.00               |
| 4.            | Kanta Mata                    | 750                | 638,933.40                      | 307               | 264,445.50               | 443                     | 374,487.90               |
| 5.            | Oksigen Concentrator          | 79                 | 410,222.00                      | 44                | 218,065.00               | 35                      | 192,157.00               |
| 6.            | Institut Jantung Negara (IJN) | 998                | 4,004,623.73                    | 0                 | 0                        | 998                     | 4,004,623.73             |
| 7.            | Tuntutan Perjalanan Rawatan   | 1,662              | 802,181.78                      | 1,231             | 613,249.46               | 431                     | 188,932.32               |
| 8.            | Pembelian Ubat                | 5,625              | 37,411,907.78                   | 4,097             | 29,775,705.08            | 1,528                   | 7,636,202.70             |
| 9.            | Rawatan Perubatan             | 362                | 847,195.69                      | 121               | 282,756.97               | 241                     | 564,438.72               |
| 10.           | Alat Rawatan Jantung          | 50                 | 526,804.00                      | 2                 | 17,828.50                | 48                      | 508,975.50               |
| <b>JUMLAH</b> |                               | <b>15,457</b>      | <b>102,327,817.32</b>           | <b>9,532</b>      | <b>73,460,818.54</b>     | <b>5,925</b>            | <b>28,866,998.78</b>     |

Jadual 4: Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Perubatan Veteran ATM Berpencen dan Tidak Berpencen Berakhir 31 Disember 2023.



5. Bantuan Mengurus Jenazah (Berpencen)



Jadual 5: Jumlah pembayaran Bantuan Mengurus Jenazah bagi Veteran Berpencen Berakhir 31 Disember 2023.

Kad Veteran ATM

Kad Veteran (KV) ATM telah dikeluarkan mulai 15 Oktober 2015 selaras dengan Seksyen 12, Akta Veteran 2012 kepada warganegara Malaysia yang telah berkhidmat sepenuh masa dan tidak pernah dibersarakan atau diberhentikan daripada perkhidmatan atas alasan salah laku dalam mana-mana Angkatan yang berikut:

- Angkatan tetap Angkatan Tentera Malaysia;
- Angkatan sukarela yang dikerah sepenuh masa oleh Angkatan Tentera Malaysia tanpa mengira tempoh perkhidmatan;
- Force 136;
- Tentera British yang telah berkhidmat di Malaya, Malaysia atau Singapura; dan
- Sarawak Rangers.

Oleh itu, KV merupakan pengenalan kepada Veteran ATM sekaligus melayakkan Veteran ATM dan orang tanggungannya yang layak untuk menerima kemudahan dan bantuan kebajikan yang disediakan.

KV layak diberikan kepada Veteran ATM berpencen sama ada pegawai mahupun anggota Lain-Lain Pangkat (LLP). Selain itu, ia juga boleh diberikan kepada Veteran ATM Tidak Berpencen seperti Pegawai Tauliah Jangka Pendek, anggota LLP yang menamatkan perkhidmatan 10 atau 12 tahun, 15 tahun dan 18 tahun serta dipanjangkan kepada anggota Sukarela yang dikerah sepenuh masa.

JHEV ATM sentiasa menambahbaik proses pengeluaran dan cetakan KV kepada Veteran ATM dari semasa ke semasa. Sepanjang tahun 2023 sahaja berakhir 31 Dis 2023 sebanyak 24,259 keping KV telah dicetak melibatkan permohonan baru dan pertukaran. JHEV ATM telah menguatkuasakan penggunaan KV mulai 1 Februari 2024 bagi menggantikan Kad Bekas Tentera yang telah dihentikan pengeluaran oleh Jabatan Arah Rekod dan Pencen mulai 1 Mac 2019.



# Kad sedia ada yang masih boleh digunakan.



# Kad versi terbaru keluaran 1 Oktober 2023 yang mana ia telah ditambah baik dengan memasukkan QR bagi memudahkan Veteran mengakses terus ke laman sesawang JHEV ATM.



**Program *Breast-a-Thorn* dan Pemeriksaan Program Kebajikan Bahagian Pencen Kesihatan JHEV ATM 2023**

[illegible]

Program sehari ini dihadiri oleh semua warga JHEV ATM dan terbuka kepada semua warga kerja yang berada di Menara TH Perdana. Program ini telah dirasmikan oleh Pn Juliana, selaku Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil JHEV ATM yang juga isteri kepada Ketua Pengarah JHEV ATM. Turut hadir memeriahkan program Timbalan Ketua Pengarah JHEV ATM, En Sophian Izwandy. Hampir 100 orang telah melakukan pemeriksaan kesihatan yang disediakan khusus untuk wanita seperti pemeriksaan payudara dan kesihatan. Sesi ceramah mengenai Kanser Payudara dan Kesihatan Mental telah disampaikan oleh wakil dari MKN dan BOSH yang mana banyak memberi fokus kepada penjagaan kesihatan mental dan diri.

sahaja yang berjaya menemui veteran manakala di Kelantan tidak berjaya menjejaki veteran berdasarkan alamat sedia ada dalam sistem VIBES. Secara kesimpulannya, program ini akan sentiasa dilaksanakan secara berterusan bukan sahaja bagi mengurangkan kes ADP JHEV ATM melalui pengemaskinian maklumat Veteran ATM malah bantuan Kerajaan yang diumumkan dapat disalurkan dengan lancar dari semasa ke semasa.



**160823 Ibeniamin bin Shahar, Jalan Santan, Kangar Perlis**



**6045974 Hafizul bin Ahmad, Jalan Kaki Bukit, Kangar Perlis**

Program Jejak Veteran ini dilaksanakan melibatkan lawatan kepada 4 orang Veteran ATM Tidak Berpencen. Antaranya adalah 6081872 Che Mud bin Mustapha dan 608951 Azemi bin Abdullah di Kelantan serta 160823 Ibeniamin bin Shahr dan 6045974 Hafizul bin Ahmad di Kangar, Perlis. Walau bagaimanapun, hanya jejak veteran di Kangar

Bahagian Pencen telah melaksanakan program kebajikan dengan menyantuni staf dan keluarga staf yang ditimpa musibah. Selain itu, majlis bacaan yaasin, tahlil dan doa selamat juga telah dilaksanakan bagi mendoakan keselamatan staf yang akan menjalani pembedahan serta kesejahteraan seluruh warga JHEV.



Bacaan yassin, tahlil dan doa selamat bertempat di Surau Tkt 41,  
Menara TH Perdana pada 24 Feb 2023.



Lawatan dan penyerahan sumbang kepada Pn Zainita binti Abdul Raman @ Abdul Rahman yang baru menjalani pembedahan pembuangan tumor di otak bertempat di Hospital Prince Court KL pada 27 Feb 2023 (Isnin).







Lawatan dan penyerahan sumbang oleh Pengarah BP kepada En Khairulazani bin Hassan Sabery, PPT Unit Inspektorat yang mengidap penyakit kanser Limfoma di HKL.



Ziarah dan penyerahan sumbang kepada ayah Allahyarham En Khairulazani bin Hassan Sabery, Penyelia UPF, BP yang meninggal dunia pada 16 Sept 2023 di Hospital Ampang, KL dan dikebumikan di Tahan Perkuburan Kampung Ketior Dalam, Kuala Kangsar, Perak.

### Majlis Makan Malam Bahagian Pencen

Bahagian Pencen telah melaksanakan Majlis Makan Malam bagi meraikan Staf BP bertempat di Kadaram hall, Dewan Cheersonese Mediahall, Tingkat 10, Maju Tower pada 19 Disember 2023 yang bertemakan Retro Klasik. Majlis ini diadakan bertujuan bagi menghargai segala usaha yang dicurahkan oleh semua Staf sepanjang tahun 2023 serta bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara Staf.

Pelbagai aktiviti telah disusun atur dan dipersembahkan pada malam tersebut antaranya sambutan Hari Ulang Tahun Kelahiran (Okt – Dis 2023), persembahan mengikut unit, nyanyian karaoke, pertandingan pakaian terbaik lelaki dan wanita, video tayangan montaj serta cabutan bertuah.



### Program Perjumpaan JHEV ATM Bersama Persatuan-Persatuan Veteran ATM Bagi Akhir Tahun 2023

JHEV ATM telah mengadakan Program Perjumpaan JHEV ATM Bersama Persatuan-Persatuan Veteran ATM Bagi Akhir Tahun 2023 di setiap negeri melibatkan semua Pengarah-Pengarah Bahagian.

Objektif pelaksanaan program adalah seperti berikut:

1. Memaklumkan kepada persatuan-persatuan sebarang arahan atau garis panduan terkini yang dikeluarkan oleh JHEV ATM;
2. Memberi maklum balas kepada persatuan mengenai perkara atau isu yang disampaikan;
3. Mendapatkan maklumat atau persoalan yang dikemukakan oleh persatuan-persatuan untuk penelitian oleh Jabatan/MINDEF; dan
4. Sebagai platform mengeratkan lagi hubungan strategik antara Jabatan dan persatuan-persatuan.

Bagi Negeri Johor, Pengarah BP telah dipertanggungjawabkan untuk menghadiri perjumpaan tersebut yang diadakan pada 21 Disember 2023 bertempat di Gelanggang Futsal (Hanger) 7 Kompeni Angkut KPD, Kem Tebrau, Johor Bahru, Johor. Seramai 70 orang Veteran mewakili pelbagai persatuan telah hadir bagi mendengar taklimat disampaikan selain membawa isu-isu dari persatuan masing-masing.







# Bahagian Pengurusan Maklumat

JHEV ATM



## BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

### 1 Pelancaran Go-Live VIBES 2.0

Merupakan sistem teras JHEV ATM, selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) MINDEF 2021 – 2025 : Memperkukuhkan perkhidmatan end-to-end (E2E) sistem ICT di Kementerian Pertahanan.

Pelancaran Go Live oleh Yang Berhormat Tuan Haji Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan pada 21 Jun 2023 di Dewan Perkasa, Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Tekpi, Kuala Lumpur.

#### 12 modul utama

- Faedah Persaraan
- Kebajikan
- Kerjaya & Sosioekonomi
- Pentadbiran
- Perubatan
- Kewangan
- Persatuan
- Aduan
- Pelaporan
- Aplikasi Mudah Alih
- Portal VIBES 2.0
- Pemantauan

### Ciri-ciri VIBES 2.0

- Lebih mudah, responsif, cepat dan berkesan
- Pusat sehati perkhidmatan atas talian
- Ciri keselamatan dan teknologi terkini
- Dokumen mudah dicapai dan tersedia hujung jari
- Mesra Pengguna



### 2. Aplikasi Mudah Alih VIBES 2.0

VIBES 2.0 kini boleh di akses melalui aplikasi mudah alih “VIBES 2.0 – JHEV ATM”.

“VIBES 2.0 – JHEV ATM” boleh di muat turun melalui IOS AppStore dan Google Playstore bermula 1 Julai 2023.

Antara kemudahan yang disediakan adalah:


- Penyata pencen
- Peluang kerjaya
- Peluang kursus
- Perubatan
- Kebajikan
- Bantuan Mengurus Jenazah (BMJ)

### 3. Pendaftaran pengguna di Portal VIBES 2.0

- Capaian melalui pautan <https://vibes.jhev.gov.my>.
- Sehingga 31 Disember 2023 sebanyak 98,255 pendaftaran akaun pengguna di portal VIBES 2.0.

Antara kemudahan yang disediakan adalah:

- Penyata pencen
- Peluang kerjaya
- Peluang kursus
- Perubatan
- Kebajikan
- Bantuan Mengurus Jenazah (BMJ)





#### 4. Selenggara maklumat di Portal VIBES 2.0 sepanjang tahun 2023



# Galeri Program Cawangan Negeri

JHEV ATM



BANTUAN LAMPIN PAKAI BUANG & SUSU



BANTUAN PERALATAN PESAKIT



DIALOG KETUA PENGARAH BERSAMA PERSATUAN VETERAN SELANGOR



LAWATAN BENCANA ALAM





### MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH



### PENUTUPAN KURSUS SERVIS KERETA ELEKTRIK DAN HYBRID



### PENYAMPAIAN SIJIL PERHEBAT



### USAHAWAN VETERAN ATM





**MEI 2023**


#### MESYUARAT PERWAKILAN PERSATUAN VETERAN INDIA ATM KE-14

Kuala Lumpur, 20 Mei 2023 - Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) meluahkan masa menghadiri Mesyuarat Perwakilan Persatuan Veteran India ATM KE - 14 yang bertempat di Grand Barakah Hotel. Dikesempatan itu, ketua pengarah dijemput menyampaikan Anugerah Tokoh Sukan PERIM, Akademik Cemerlang PERIM dan Penganugerahan Piala Pengurusan Terbaik PERIM 2022.

Pada masa yang diperuntukkan, Pengarah turut memberi penerangan mengenai perkembangan terkini hal ehwal Veteran dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan Veteran ATM dan balu serta isu-isu semasa.

#VeteranATM #PPV #Programpeduliveteran #Kebajikanveterankeutamaankami  
#veteranpahlawannegara #JHEVATM #serviceneverstop #KamiResponsif  
#KamiPrihatin #KamiKomited



#### MESYUARAT MAJLIS VETERAN KEBANGSAAN (MVK) BILANGAN 9/2023

**KUALA LUMPUR, 15 Mei 2023** - Mesyuarat Majlis Veteran Kebangsaan (MVK) Ke - 9 yang dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad Hj Hasan telah dilaksanakan di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Wisma Pertahanan. MVK pada kali ini merupakan yang pertama dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad Hj Hasan selaku Menteri Pertahanan dan dihadiri oleh semua ahli yang telah dilantik.

Mesyuarat ini bagi membincangkan hala tuju dan dasar Kementerian terhadap kesejahteraan Veteran ATM. Kerajaan sentiasa dan akan terus menjaga kebajikan bekas perajurit tanah air. MVK telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan dan merancang inisiatif-inisiatif bagi tujuan membantu serta menjaga kebajikan Veteran ATM sebagai fokus utama.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly Zahari; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Sri Muez bin Abd Aziz; Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang; Ketua Pengarah JHEV ATM, Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus; Pegawai Tertinggi Kementerian Pertahanan serta Veteran ATM yang dilantik sebagai Ahli MVK.

#VeteranATM #PPV #Programpeduliveteran #Kebajikanveterankeutamaankami  
#veteranpahlawannegara #JHEVATM #serviceneverstop #KamiResponsif  
#KamiPrihatin #KamiKomited





#### MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA OLEH YANG BERHORMAT ADLY ZAHARI, TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN

**Ayer Keroh, 7 Mei 2023** - Yang Berhormat Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada Veteran ATM bertempat di Melaka International Trade Centre (MITC), Ayer Keroh, Melaka. Seramai 416 orang Veteran telah menerima Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM). Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Adly Zahari yang telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan ini dan tahniah kepada semua penerima Pingat Jasa Malaysia.

**JUN 2023**



#### PROGRAM PEDULI VETERAN KETUA PENGARAH JHEV ATM DI NEGERI PERAK

**Kamunting, 25 Jun 2023** - Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah JHEV ATM telah meluangkan masa menyantuni seorang Veteran ATM yang merupakan salah seorang penerima anugerah Pingat Gagah Berani iaitu Sarjan Choo Woh Soon.

Sarjan Choo Woh Soon telah menerima anugerah tersebut di atas keberanian beliau menentang komunis pada tahun 1959 di Sungai Ruan, Pahang. Dalam pertempuran tersebut, beliau telah menembak mati komunis yang telah cuba menawan sebuah ladang pisang di kawasan tersebut.

Program Peduli Veteran ATM ini turut diiringi oleh Lt Kol Khairul Azman bin Kormin, Pegawai Staf 1 Sekretariat JHEV ATM, Lt Kol (B) Azwadi bin Jamian, Ketua Pegawai Operasi Yayasan Veteran ATM, President Persatuan Veteran Cina Angkatan Tentera Malaysia (MACVA) Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM) dan Persatuan Veteran Angkatan Tentera Tidak Berpencen Malaysia (PVATTBM).

#VeteranATM #PPV #Programpeduliveteran #Kebajikanveterankeutamaankami  
#veteranpahlawannegara #JHEVATM #serviceneverstop #KamiResponsif  
#KamiPrihatin #KamiKomited

#VeteranATM #PPV #Programpeduliveteran #Kebajikanveterankeutamaankami  
#veteranpahlawannegara #JHEVATM #serviceneverstop #KamiResponsif  
#KamiPrihatin #KamiKomited





#### MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH BAGI PROGRAM BINA BAHARU SEMPENA INISIATIF PERUMAHAN VETERAN ATM NEGERI SARAWAK

**Kampung Lundu, 27 Jun 2023** - Encik Sophian Isswandy bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah JHEV ATM diiringi oleh Mejar Pahot Ak Joll, Pengarah JHEV Cawangan Negeri Sarawak telah melaksanakan simbolik penyerahan rumah bina baharu sempena Inisiatif Perumahan Veteran ATM kepada veteran Ali Baba @ Lunsu Anak Lanun bertempat di Kampung Sungai Lundu, Lundu. Turut hadir pada majlis tersebut adalah pegawai SPNB dan kontraktor.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah JHEV ATM turut meluangkan masa untuk melawat 3 orang Veteran ATM di sekitar daerah tersebut iaitu :

- 1) Veteran Riba @ Tulun anak Tomas
- 2) Veteran Robart anak Aseng
- 3) Veteran Bujang bin Baki

Sumbangan seperti kotak makanan dan bantuan peralatan pesakit telah diberikan kepada Veteran ATM yang memerlukan tersebut. JHEV ATM akan sentiasa Responsif, Prihatin & Komited dalam meningkatkan sosioekonomi dan kebajikan Veteran ATM agar terus menjadi aset kepada negara dan masyarakat.

#VeteranATM #PPV #Programpeduliveteran #Kebajikanveterankeutamaankami  
#veteranpahlawannegara #JHEVATM #serviceneverstop #KamiResponsif  
#KamiPrihatin #KamiKomited



#### SOFT LAUNCH PORTAL VIBES 2.0 GO LIVE OLEH YB TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN & SESI PERJUMPAAN TAHUNAN PERSATUAN-PERSATUAN VETERAN ATM BERSAMA JHEV

**Kuala Lumpur, 21 Jun 2023** – Yang Berhormat Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan telah menyempurnakan SOFT LAUNCH PORTAL VIBES 2.0 GO LIVE bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Tekpi, Kuala Lumpur. Pada majlis tersebut, YB Adly bin Zahari telah menyempurnakan gimik pelancaran Portal Veteran Integrated Benefit System (VIBES) 2.0 yang telah dibangunkan untuk kemudahan Veteran ATM dan waris mereka. JHEV ATM sentiasa memberikan komitmen sepenuhnya untuk memperkasa keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan Jabatan melalui inisiatif pendigitalan dan teknologi maklumat, terutamanya dengan pelaksanaan pembangunan Veteran Integrated Benefit System (VIBES) 2.0.

Pembangunan sistem VIBES 2.0 ini merupakan sistem teras Jabatan, selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) MINDEF 2021 – 2025 : Memperkukuhkan perkhidmatan end-to-end (E2E) sistem ICT di Kementerian Pertahanan. Perkhidmatan dalam talian sepenuhnya ini akan menambah baik dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan JHEV kepada Veteran ATM dan orang tanggungan mereka. Melalui sistem VIBES 2.0, keupayaan pengurusan, pemantauan dan pelaporan maklumat Veteran ATM dan waris akan lebih berkesan dan berintegriti. Selain itu, sistem yang dibangunkan tersebut akan menukar kaedah kerja konvensional melalui pengautomasian pemprosesan pelbagai perkhidmatan JHEV.

Dalam majlis yang sama juga telah berlangsung Sesi Perjumpaan Tahunan Persatuan-Persatuan Veteran ATM bersama JHEV ATM. Sesi ini diadakan bagi membincangkan isu-isu yang melibatkan para Veteran ATM bagi menambahbaik taraf perkhidmatan yang disalurkan oleh kerajaan melalui JHEV ATM.

#VeteranATM #PPV #Programpeduliveteran #Kebajikanveterankeutamaankami  
#veteranpahlawannegara #JHEVATM #serviceneverstop #KamiResponsif  
#KamiPrihatin #KamiKomited





#### MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA OLEH LT JEN DATUK MOHD SHAHADA BIN ISMAIL, TUDM PANGLIMA OPERASI UDARA

**Tasik Gelugor, 17 Jun 2023** - Lt Jen Datuk Mohd Shahada bin Ismail TUDM, Panglima Operasi Udara telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada Veteran ATM bertempat di Pusat Konvensyen Perda, Tasek Gelugor, Pulau Pinang Seramai 496 orang Veteran telah menerima Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM). Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Lt Jen Datuk Mohd Shahada bin Ismail TUDM yang telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan ini dan tahniah kepada semua penerima Pingat Jasa Malaysia.

#VeteranATM #PPV #Programpeduliveteran #Kebajikanveterankeutamaankami  
#veteranpahlawannegara #JHEVATM #serviceneverstop #KamiResponsif  
#KamiPrihatin #KamiKomited

**JULAI 2023**



#### MESYUARAT BULANAN MAJLIS VETERAN KEBANGSAAN (MVK)

**Kuala Lumpur, 26 Julai 2023** - Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM telah mempengerusikan Mesyuarat Bulanan Majlis Veteran Kebangsaan (MVK) yang diadakan di Bilik Mesyuarat Pahlawan JHEV ATM.

MVK merupakan satu badan yang ditubuhkan untuk melaksanakan pelan tindakan berhubung dengan hal ehwal Veteran ATM dan apa-apa fungsi lain berdasarkan Akta 740 - Akta Veteran 2012 di bawah perintah Seksyen 3.

#VeteranATM #PPV #Programpeduliveteran #Kebajikanveterankeutamaankami  
#veteranpahlawannegara #JHEVATM #serviceneverstop #KamiResponsif  
#KamiPrihatin #KamiKomited





**MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA OLEH LEFTENAN JENERAL DATO' TENGKU MUHAMMAD FAUZI BIN TENGKU IBRAHIM, PANGLIMA MEDAN BARAT TENTERA UDARA**

**Kuala Terengganu, 22 Julai 2023** - Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim, Panglima Medan Barat Tentera Darat telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada Veteran ATM bertempat di Pusat Konvensyen Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu. Seramai 545 orang Veteran telah menerima Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM). Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim kerana telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan ini dan tahniah kepada semua penerima Pingat Jasa Malaysia.



**PENYERAHAN KUNCI RUMAH, INISIATIF PERUMAHAN VETERAN ATM NEGERI KELANTAN**

**Selising & Kuala Krai, 16 Julai 2023** - Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah di bawah Inisiatif Perumahan Veteran ATM bagi peringkat Negeri Kelantan.

Pada majlis tersebut, Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus telah menandatangani plat perasmian dan menyerahkan replika kunci rumah kepada 3 orang Veteran ATM yang merupakan penerima rumah bina baharu.

Pada tahun 2023 ini, Kementerian Pertahanan telah memperuntukkan sebanyak RM 5.7 juta bagi menampung pembinaan 40 rumah bina baharu dan 170 baik pulih rumah Veteran ATM. Kriteria pemilihan Program Inisiatif Perumahan Veteran ATM terbuka kepada Veteran ATM atau balu yang mana pendapatan isi rumah di bawah jadual Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan.





#### PENYERAHAN KUNCI RUMAH, INISIATIF PERUMAHAN VETERAN ATM NEGERI TERENGGANU

**Kuala Nerus, 21 Julai 2023** - Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah di bawah Inisiatif Perumahan Veteran ATM bagi peringkat Negeri Terengganu.

Pada majlis tersebut, Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus telah menandatangani plat perasmian dan menyerahkan replika kunci rumah kepada seorang Veteran ATM yang merupakan penerima rumah bina baharu.

Pada tahun 2023 ini, Kementerian Pertahanan telah memperuntukkan sebanyak RM 5.7 juta bagi menampung pembinaan 40 rumah bina baharu dan 170 baik pulih rumah Veteran ATM. Kriteria pemilihan Program Inisiatif Perumahan Veteran ATM terbuka kepada Veteran ATM atau balu yang mana pendapatan isi rumah di bawah jadual Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan.

#VeteranATM #PPV #Programpeduliveteran #Kebajikanveterankeutamaankami  
#veteranpahlawannegara #JHEVATM #serviceneverstop #KamiResponsif  
#KamiPrihatin #KamiKomited



OGOS 2023

#### PENYERAHAN KUNCI RUMAH, INISIATIF PERUMAHAN VETERAN ATM NEGERI PERAK

**KKg Gajah & Batu Kurau, 9 Ogos 2023** - Encik Sophian Isswandy bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah di bawah Inisiatif Perumahan Veteran ATM bagi peringkat Negeri Perak.

Pada majlis tersebut, Encik Sophian Isswandy bin Ismail telah menandatangani plat perasmian dan menyerahkan replika kunci rumah kepada 2 orang Veteran ATM yang merupakan penerima rumah bina baharu.

Pada tahun 2023 ini, Kementerian Pertahanan telah memperuntukkan sebanyak RM 5.7 juta bagi menampung pembinaan 40 rumah bina baharu dan 170 baik pulih rumah Veteran ATM. Kriteria pemilihan Program Inisiatif Perumahan Veteran ATM terbuka kepada Veteran ATM atau balu yang mana pendapatan isi rumah di bawah jadual Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan.

#VeteranATM #PPV #Programpeduliveteran #Kebajikanveterankeutamaankami  
#veteranpahlawannegara #JHEVATM #serviceneverstop #KamiResponsif  
#KamiPrihatin #KamiKomited









Laporan Tahunan

2023